

>> **Kriteria** jemputan babitkan ilmuwan agama, mufti, ahli jawatankuasa fatwa, pensyarah pengajian Islam, hakim syarie dan **pengusaha** maahad tahfiz



**HARIAN METRO**

Harian Metro - 1/3/2017 (M/S 25)

Fairul Asmaini Mohd Pilus  
asmaini@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Setiap tahun, sekurang-kurangnya 100 rakyat negara ini dipilih sebagai jemputan khas kerajaan Arab Saudi untuk menunaikan ibadat haji dan umrah menerusi program Tetamu Penjaga Dua Kota Suci.

Program berkenaan diperkenalkan sejak puluhan tahun lalu dan memberi manfaat kepada beribu-ribu rakyat di negara ini menunaikan haji serta umrah tanpa sebarang bayaran.

Menurut Koordinator Hal Ehwal Dakwah, Pejabat Penasihat Islam Kedutaan Arab Saudi di Kuala Lumpur yang juga ahli jawatankuasa pen-cadang, Ahmad Fazrin Yahaya, untuk umrah contohnya, jemputan dikeluarkan dua kali setahun, namun tahun lalu, Arab Saudi membuat tiga kali jemputan berbanding biasa.

Katanya, kuota jemputan untuk melaksanakan umrah atau haji setiap tahun tidak ditetapkan kepada jumlah tertentu, tetapi setiap kali

Seorang atau dua wakil media tempatan turut dipilih dalam jemputan khas berkenaan dan ia ditanggung kerajaan Arab Saudi sepenuhnya”

Ahmad Fazrin Yahaya

jemputan, ia biasanya sekitar 40 hingga 70 orang.

Katanya, kerajaan Arab Saudi menetapkan kriteria tertentu untuk setiap jemputan dan biasanya ia mem-babitkan golongan yang menyumbang jasa cemerlang dalam usaha dakwah seperti ilmuwan agama, mufti, ahli jawatankuasa fatwa, pensyarah bidang pengajian Islam, hakim syarie, pengusaha maahad tahfiz dan sebagainya.

“Lebih istimewa, seorang atau dua wakil media tempatan turut dipilih dalam jemputan khas berkenaan dan ia ditanggung kerajaan Arab Saudi sepenuhnya.

“Selain pejabat kedutaan, kementerian lain di Arab Saudi seperti Kementerian Pertahanan juga boleh mengeluarkan jemputan khas itu dan ia biasanya diberikan



ANTARA tetamu bertuah menerusi program Tetamu Penjaga Dua Kota Suci.

# Jemputan khas Arab Saudi

■ 100 rakyat Malaysia bertuah dipilih tunai haji dan umrah setiap tahun tanpa sebarang bayaran

terus kepada Kementerian Pertahanan negara yang di-jemput,” katanya.

Katanya, selain Malaysia, negara Islam lain di seluruh dunia turut me-

nerima jemputan istimewa berkenaan dan pada sesuatu jemputan umrah misalnya, dapat meng-himpunkan kira-kira 2,000 jemaah pelbagai la-

tar belakang.

Katanya, semua itu hasil hubungan erat antara Malaysia dan Arab Saudi yang sudah terjalin sejak berpu-luh-puluh tahun dulu.

**Kuala Lumpur:** "Saya tidak pernah bermimpi menjadi tetamu jemputan kerajaan Arab Saudi untuk mengerjakan haji pada tahun lalu.

"Ia anugerah yang tidak ternilai daripada Ilahi dan saya berterima kasih kepada kerajaan Arab Saudi," kata kata Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Univer-

# 'Tak bermimpi jadi tetamu khas'

siti Kebangsaan Malaysia (UKM) Muhamad Razak Idris.

Beliau antara ribuan rakyat negara ini yang terpilih menerima jemputan khas kerajaan Arab Saudi untuk mengerjakan haji menerusi program Tetamu Penjaga

Dua Kota Suci, tahun lalu.

Muhamad Razak yang juga Setiausaha Majlis Dakwah Negara, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) berkata, beliau menerima jemputan itu daripada Majlis Penasihat Islam, Kedutaan Arab Saudi

di Malaysia.

"Difahamkan, jemputan berkenaan kerana pembabitatan saya dalam pertubuhan dakwah di beberapa organisasi dan pertubuhan bukan kerajaan seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Majlis

Dakwah Negara - YADIM.

"Rombongan saya tahun lalu disertai enam lagi daripada pelbagai agensi dakwah dan pendidikan di negara ini dan semuanya ditanggung kerajaan negara berkenaan," katanya kepada Harian Metro